



15 / 2026

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI

SIARAN MEDIA

RAMADAN KUSKOP BERSAMA MUFTI WILAYAH PERSEKUTUAN

PUTRAJAYA, 23 FEBRUARI– Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) hari ini menganjurkan Majlis Iftar di Putrajaya. Majlis ini merupakan platform tahunan bagi mengeratkan ukhuwah dalam kalangan warga kerja kementerian, agensi serta para pemegang taruh di samping menghayati keberkatan bulan Ramadan yang mulia.

Program ini turut diserikan dengan kehadiran Sahibus Samahah Ustaz Ahmad Fauwaz bin Ali @ Fadzil, Mufti Wilayah Persekutuan yang telah menyampaikan tazkirah selama 30 minit. Melalui penyampaian yang ringkas dan mudah difahami, beliau menjelaskan bahawa Ramadan merupakan medan terbaik untuk memperbaiki diri serta membentuk peribadi yang lebih baik.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Steven Sim Chee Keong telah menyampaikan sumbangan daripada KUSKOP dan agensi di bawahnya berjumlah RM18,000.00 kepada Rumah Bakti Al Kausar. Beliau turut menyerahkan sumbangan wang tunai RM 10,000.00 serta barangan keperluan asas termasuk makanan kepada 20 orang anak-anak yatim dari rumah amal tersebut.

KUSKOP akan terus memperluas perannya dalam memperkasa usahawan dan koperasi demi meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Penganjuran Majlis Iftar ini mencerminkan komitmen kementerian dalam menghayati nilai Ramadan melalui pengukuhan kebersamaan dan keprihatinan sosial.

Hebatkan Perniagaan Malaysia.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
23 FEBRUARI 2026**